

Fenomena 'air termenung' landa beberapa daerah

KOTA BHARU—Keadaan hujan di negeri ini semakin reda sejak semalam, walaupun fenomena 'air termenung' dikatakan mula melanda beberapa daerah di sini.

Walaupun hujan telah reda, namun disebabkan fenomena tersebut, beberapa kawasan yang digenangi air tidak menunjukkan tanda-tanda akan surut, sehingga penduduk terpaksa menunggu agak lama untuk pulih seperti

biasa.

Bacaan air di beberapa sungai utama negeri ini juga menunjukkan angka menurun dan sehingga jam 6 petang semalam, belum ada pusat pemindahan banjir dibuka.

Bacaan aras air Sungai Golok di Rantau Panjang menunjukkan sedikit menurun daripada kelmarin iaitu 9.60, namun masih lagi berada di dalam paras bahaya (9.00).

Sungai Galas di Dabong juga

mencatatkan penurunan iaitu 26.67 berbanding kelmarin 26.93, namun masih di paras normal iaitu 28.00. Sungai Lebir di Tualang pula kelmarin mencatatkan bacaan 24.52, naik berbanding kelmarin hanya 25.12.

Sungai Kelantan di Tangga Krai juga mencatatkan bacaan menaik iaitu 18.07 berbanding kelmarin, 18.01 iaitu menghampiri paras berjaga-jaga (berjaga-jaga 20.00).

Jambatan Guillemard pula mencatatkan kenaikan iaitu 11.27 berbanding kelmarin hanya 11.10, melebihi paras normal 10.00.

Bacaan air Sungai Kelantan di Tambatan DiRaja pula naik 0.58, namun masih lagi di bawah paras normal iaitu normal 1.00. Sungai Golok di Jenob pula mencatatkan bacaan menurun iaitu 20.02 berbanding semalam, 20.58 iaitu menghampiri paras berjaga-jaga

(21.50) dan Sungai Semerak di Pasir Puteh juga mencatatkan penurunan iaitu 0.22 berbanding kelmarin, 0.35.

Menurut portal juga, sehingga jam 6 petang semalam, hanya satu jalan sahaja dilaporkan ditutup kepada kenderaan ringan di Jajahan Tumpat, iaitu Kilometer 1, Jalan Keselamatan (Kesban) Pengkalan Kubor-Kampung Jambu bermula jam 5 petang semalam.